

Syor tubuh suruhanjaya bebas

PRESIDEN Kongres Kebangsaan Afrika, Encik Oliver Tambo sedang menerima hadiah Dunia Ketiga 1985 bagi pihak Nelson dan Winnie Mandela dari Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad di Persidangan Selatan - Selatan Kedua di Hotel Shangri-La Kuala Lumpur semalam.

KUALA LUMPUR 5 Mei — Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyatakan penubuhan sebuah suruhanjaya bebas mengenai kerjasama Selatan - Selatan.

Katanya, suruhanjaya sementara itu akan melaporkan kepada kumpulan 77 (G77) mengenai cadangan - cadangan tertentu untuk melaksanakan kerjasama Selatan - Selatan dengan berkesan.

Semasa merasmikan Persidangan Selatan - Selatan Kedua di sini, Perdana Menteri juga mengesyorkan agar program tindakan Caracas, yang diluluskan pada satu mesyuarat tertinggi G77 pada tahun 1981, dijadikan rangka kerja asas bagi menggalakkan kerjasama ekonomi.

Sambil menyifatkannya sebagai pusat segala usaha negara - negara selatan, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata: "Malangnya tidak banyak manfaat diperolehi oleh negara - negara anggota daripada program itu."

Salah satu bidang dalam program Caracas yang diharapkan mendatangkan hasil ialah usaha mewujudkan sistem keutamaan perdagangan am (GSTP) dalam rangka kerja itu bagi membolehkan mereka mengurangkan beban, sekaligus memudahkan pengaliran perdagangan di selatan.

Dalam pada itu, Perdana Menteri mahu negara - negara membangun di dunia ketiga diberi kebebasan ekonomi setimpal dengan maruah dan kemegahan yang diperolehi dari kemerdekaan politik.

Datuk Sri Dr. Mahathir kesal kerana sungguhpun tiap-tiap negara membangun telah mencapai kemerdekaan, mereka masih belum dapat menikmati kebebasan ekonomi.

"Kita telah menang dalam mendapatkan hak menadbir negara kita sendiri tetapi sama ada kita benar - benar merdeka adalah satu perkara lain. Dari segi ekonomi, kita tidak pernah bebas dan tidak mempunyai kawalan terhadap pengangkutan dan insurans, pasaran dan harga dan kadangkala terhadap pengeluaran barangan masing - masing," katanya.

Sambil menyatakan scenario ekonomi negara membangun amat mengecewakan akibat tekanan negara - negara maju, Perdana Menteri menekankan perlunya usaha dibuat untuk mengelakkannya menjadi lebih teruk.

"Adalah menggerunkan kita tidak mempunyai hak untuk mengendalikan diri masing - masing oleh kerana beberapa negara terutamanya segelintir orang yang boleh memaju atau memusnahkan kita," katanya dengan nada kesal.

Sambil menyorot kepada syor Malaysia menubahkan peraturan baru ekonomi antarabangsa (new international economic order), Perdana Menteri berkata dunia ketiga perlu mengakui cadangan itu tidak pernah bergerak pun oleh kerana negara - negara maju menolaknya bulat-bulat.

Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian negara - negara Selatan-Selatan cuma meminta pembahagian yang adil menerusi peraturan baru itu memandangkan kemakmuran negara selatan sudah tentu mengakibatkan kemakmuran kepada negara - negara utara.

Beliau berharap tujuh negara perindustrian terbesar di dunia yang kini mengadakan sidang kemuncak tahunannya di Tokyo akan memberi perhitungan terhadap rayuan negara - negara memba-

LIHAT MUKA 6

Syor tubuh suruhanjaya bebas

ngun untuk mendapat hak persamaan dalam bidang ekonomi.

Katanya, segala keputusan yang tercapai dalam sidang kemuncak itu sama ada yang berkaitan dengan masalah hutang, kadar bunga perlindungan, kadar pertukaran atau "global liquidity" sudah tentu mendatangkan kesan yang berpanjangan kepada ekonomi dunia.

Tetapi malangnya, ujar Datuk Sri Dr. Mahathir, negara selatan yang kehidupannya akan turut terasa oleh keputusan sidang kemuncak itu, tidak langsung mempunyai suara dalam menentukan keputusan yang dibuat.

"Nampaknya, bukan sahaja peraturan baru ekonomi antarabangsa itu ditolak, tetapi negara utara telah menutup barisannya dengan mewujudkan peraturan ekonominya yang tersendiri untuk dunia."

"Negara utara percaya kepada kekuatan. Mereka berurusan secara berlainan dengan yang kuat dan juga berlainan terhadap yang lemah. Dengan itu adalah jelas, hasilnya cuma didapati jika kita juga kuat."

Beliau sedar terdapat banyak bidang yang membolehkan negara - negara sedang membangun meng-

hadap negara kaya di samping menjimatkan wang yang sukar diperolehi.

"Tetapi oleh kerana duit bermakna kuasa, kita akan terus menyumbang terhadap kekuasaan negara - negara selatan."

Sebuah majalah ekonomi meramalkan bahawa berdasarkan harga yang ditetapkan tiga bulan lalu, negara - negara maju dapat menjimatkan 60 bilion dolar Amerika untuk barangan yang diimport.

Sungguhpun angka itu menurun sekarang, tambah Perdana Menteri, bantuan yang diberikan oleh negara - negara maju terhadap negara - negara selatan tidakpun hampir dengan angka itu.

"Tetapi sekarang, negara selatan yang membangun yang membantu negara maju dengan lebih 60 bilion dolar satu tahun."

Beliau lalu menyenaraikan kesengsaraan ekonomi negara - negara membangun termasuk:

- Syarat - syarat perdagangan menjadi lebih teruk dengan mewujudkan kemiskinan di Selatan,

- Tanggungjawab membayar balik hutang yang semakin menyulitkan memandang nilai matawang merosot berbanding dengan Eropah, Jepun dan

juga dolar Amerika Syarikat.

- Pasaran utara hampir ditutup sepenuhnya kepada bahan - bahan pembuatan negara selatan.

- Asia, umpamanya, mengalami kejatuhan dalam kadar pertumbuhan oleh kerana sekatan terhadap eksportnya.

Beliau menarik perhatian bahawa kejatuhan perdagangan barangan akan menyebabkan pengangguran yang kelak mengakibatkan ketidakstabilan politik.

"Jika kerajaan lemah, ia tentu jatuh. Kerajaan yang menggantinya tidak boleh berbuat lebih baik daripada itu oleh kerana ke-

melesetan ekonomi adalah di luar kawalan kerajaan. Ketidakstabilan politik akan berterusan dan ini menyukarkan pemulihan ekonomi."

Oleh demikian, beliau mengesyorkan lebih 100 negara di selatan bersatu dan bekerjasama menerusi kerjasama dua hala atau kumpulan serantau bagi mengatasi masalah ekonomi, politik dan sosial.

Sambil menyatakan prestasi kolektif itu masih malap, Perdana Menteri berkata semua mesti mengakui bahawa keutamaan untuk kerjasama selatan masih merupakan jaminan atas kertas sahaja.